

**NO SOALAN :14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING  
(SERDANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 24.07.2017**

**Y.B. DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa insurans kesihatan swasta tidak merangkumi rawatan kesihatan mental dan mengapa syarikat insurans dibenarkan untuk menafikan insurans kesihatan kepada individu yang pernah menghadapi isu kesihatan mental.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penawaran perlindungan insurans swasta untuk rawatan penyakit mental berdepan dengan beberapa cabaran besar, terutamanya isu kekurangan data untuk menilai dan menentukan harga bagi risiko-risiko yang diinsurans,

serta isu etika iaitu sama ada golongan ini mampu memahami kandungan polisi yang dibeli dan berupaya untuk memasuki kontrak undang-undang. Negara-negara lain termasuk negara-negara maju juga menghadapi cabaran dan isu yang sama seperti Malaysia. Oleh sebab itu, rawatan dan kemudahan untuk individu yang menghadapi isu kesihatan mental kebanyakannya disediakan oleh perkhidmatan kesihatan awam.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Persatuan Industri Insurans Hayat Malaysia (LIAM), terdapat juga beberapa syarikat insurans yang menyatakan kesediaan kemungkinan untuk menawarkan perlindungan insurans bagi kes-kes kesihatan mental tertentu. Terdapat juga beberapa penanggung insurans dan takaful yang sudah pun mula menawarkan produk insurans dan takaful untuk orang kurang upaya fizikal. Ini termasuk pelan takaful kemalangan yang dibangunkan khusus untuk orang kurang upaya fizikal, dan juga insurans hayat dan insurans perubatan dan kesihatan yang boleh dibeli oleh orang kurang upaya fizikal.

Oleh yang demikian, antara produk-produk yang disediakan untuk golongan kurang upaya yang telah diperkenalkan oleh industri adalah seperti berikut :

- i) Agro Nurani, iaitu manfaat kematian akibat kemalangan atau pun penyakit biasa, elaun tunai wad akibat kemalangan dan perbelanjaan pengkebumian yang diedarkan melalui Agrobank dan diunderait oleh Takaful Ikhlas Berhad;
- ii) *Allianz Ability Life*, iaitu pelan insurans hayat yang diunderait oleh Allianz Life Insurance Malaysia Berhad; dan
- iii) *Allianz Care Individual*, iaitu manfaat kemasukan ke hospital dan perbelanjaan pembedahan yang diunderait oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad.

Selain itu, Bank Negara Malaysia (BNM) akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, industri insurans, agensi-agensi lain dan turut akan melibatkan persatuan yang berkepentingan seperti Persatuan Kesihatan Mental Malaysia, dalam usaha membangunkan produk insurans yang mampu dibeli dan mudah diakses bagi golongan kurang upaya. BNM juga bersedia untuk bertemu dengan mana-mana agensi bagi membincangkan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut.